



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	20/8/2019	MUKA SURAT	:	5
JABATAN	:	KATS			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Johor tambah loji air baharu

Tindakan mampu penuhi keperluan menjelang 2022

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@nstp.com.my

Putrajaya: Johor dijangka tidak perlu lagi membeli bekalan air terawat dari Singapura menjelang 2022 selepas mampu menampung sendiri keperluan sumber itu menerusi pembinaan beberapa loji air baharu.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr Xavier Jayakumar, berkata pembinaan loji air itu dengan kapasiti 260 juta liter air sehari akan memastikan negeri itu mampu memenuhi keperluan air sendiri.

"Bagi tidak lagi bergantung kepada Singapura dalam mendapatkan sumber air terawat, kita perlu pastikan Johor mempunyai bekalan air terawat yang mencukupi.

"Oleh itu kita kena sediakan beberapa loji air baharu di Johor yang mampu mempunyai kapasiti air sebanyak 260 juta liter sehari dan menjelang 2022 kita akan ada kapasiti ini," katanya pada sidang media selepas menerima kunjungan hormat Menteri Besar Johor, Datuk Dr Sahrudin Jamal, di kementeriaannya di sini, semalam.

Mengulas lanjut Xavier berkata, langkah penyelesaian itu bagai-



Kita kena sediakan beberapa loji air baharu di Johor yang mampu mempunyai kapasiti air sebanyak 260 juta liter sehari dan menjelang 2022.

Dr Xavier Jayakumar,
Menteri Air, Tanah
dan Sumber Asli

manapun tidak memberi kesan pada rundingan perjanjian air antara Malaysia dan Singapura.

"Tiada kesan, kerana itu membabitkan rundingan pembelian air mentah yang ini pula apabila cukup air terawat di Johor, kita tidak perlu lagi beli dari Singapura," katanya.

Menerusi Perjanjian Sungai Johor pada 1962 yang akan berakhir pada 2061, Singapura membeli 250 juta gelen air mentah sehari pada harga 3 sen bagi setiap 1,000 gelen dan Malaysia membeli semula air yang dirawat pada harga 50 sen setiap 1,000 gelen.

Xavier berkata, pertemuan dengan Sahrudin turut menyentuh beberapa perkara lain termasuk pencemaran sungai, pengurusan hutan dan tanah.

Katanya, antara yang turut dibincangkan ialah mengenai langkah menangani pencemaran sungai di kawasan Johor Bahru dan Pasir Gudang melalui pengurusan air sisa kumbahan yang lebih cekap.

"Begitu juga mengenai pengurusan hutan yang mampan terutama membabitkan aspek pemuliharaan Hutan Simpan Kekal sebagai khazanah negara.

"Kedua-dua pihak juga ber-setuju supaya pengurusan hal pentadbiran tanah dibuat selari dengan peruntukan perundangan sedia ada bagi menyokong pertumbuhan ekonomi Johor.

"Kita juga setuju mengenai penyelesaian pengurusan konflik antara manusia dan gajah secara lebih cekap melalui penubuhan Akaun Amanah Bagi Operasi Menyelamat Hidupan Liar Yang Terperangkap," katanya.